

05/07/1999

MCA sudah bersedia hadapi pilihan raya

GENTING HIGHLANDS, Ahad - MCA sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, MCA sudah membuat pelbagai persiapan termasuk mengadakan kursus kepada ahli parti itu bagi menghadapi pilihan raya umum.

"Kita memang sudah lama bersiap sedia, malah kita membuat persediaan sebaik saja pilihan raya umum yang lalu berakhir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan MCA Pahang di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden yang juga Pengerusi MCA Pahang, Datuk Lim Ah Lek; Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh; Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Ong Ka Ting.

Dr Ling berkata demikian ketika diminta mengulas persiapan parti itu bagi menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan pada bila-bila masa.

Semalam, sebuah akhbar tempatan menyiarkan kenyataan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, yang meramalkan pilihan raya umum diadakan pada September ini.

Dalam wawancara khas dengan majalah keluaran terbaru terbitan akhbar berkenaan, Ahli Parlimen Gua Musang itu dilaporkan sebagai berkata, beliau tidak fikir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pilihan raya tahun depan.

Dr Ling juga menaruh keyakinan pakatan parti pembangkang serta taktik menyebar pelbagai fitnah sama ada melalui akhbar Harakah atau Internet tidak akan menjejaskan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN).

"Kita (BN) mempunyai rekod kepimpinan, perkhidmatan dan kerjasama yang baik dengan masyarakat. Ia menjadi bukti kepada semua pihak dan kita berhasrat untuk meneruskan rekod berkenaan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, mengingatkan ahli parti itu khususnya di kalangan pemimpin mengenai perubahan yang dialami termasuk dalam menentukan pucuk pimpinan parti.

(END)